

TARIKH	7 / 6 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	2	RUANGAN	NEWS

Tabung Haji terima RM700 syiling sehari

SEGAMAT: Tabung Haji di Jalan Genuang di sini, menerima antara RM600 hingga RM700 wang syiling setiap hari daripada pendeposit, termasuk kanak-kanak, yang menabung bagi mengerjakan ibadat berkenaan.

Pengurus Daerah Tabung Haji Segamat, Mior Abd Malek Abd Rahman berkata, sebahagian besar pendeposit berkenaan menyimpan syiling di dalam tabung replika ibu pejabat Tabung Haji sebelum dibawa terus untuk disimpan.

"Sebahagian besarnya dibawa kanak-kanak malah ada orang dewasa, khasnya peniaga yang turut menyimpan dalam tabung berkenaan.

"Ia menunjukkan kesedaran budaya menabung di kalangan kanak-kanak serta orang dewasa semakin meningkat malah memberi manfaat kerana wang tabungan itu boleh digunakan untuk menunaikan haji," katanya, semalam.

Menurut beliau, tabung berkenaan mampu menyimpan syiling mencecah RM80.

Pada masa sama, Mior berkata, di daerah berkenaan saja, terdapat 3,000 hingga 3,500 pendeposit kanak-kanak mendaftar dengan Tabung Haji sejak ia beroperasi pada 1982.

"Sejak 1982, kami juga menguruskan simpanan bagi 60,000 jemaah serta bakal jemaah haji daerah ini," katanya.